

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 22
TARIKH	: 9/12/2019		
JABATAN	: JPSM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Henti gondol hutan Banjaran Kledang

SAM dakwa 20 hektar kawasan musnah, dieksplotasi sejak November lalu

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
shaka@nstp.com.my



Lereng bukit Banjaran Kledang sebahagian hutan simpan sudah digondolkan oleh aktiviti pembalakan.

Ipoh: Sahabat Alam Malaysia (SAM) mendakwa kawasan hutan di lereng bukit Banjaran Kledang berhampiran Chemor dekat sini, sudah dimusnahkan dan dieksplotasi sejak 1 November lalu.

Presidennya, Meenakshi Ramman, berkata berdasarkan pemerhatian di kawasan itu kelmarin, seluas kira-kira 20 hektar kawasan hutan dibalok secara tebang habis sehingga gondol.

"Kawasan berkenaan adalah bekas sebahagian hutan simpan (HS) Kledang Saiong seluas 500.2 hektar berhampiran Chemor dalam Mukim Hulu Kinta dalam daerah Kinta," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Meenakshi berkata, SAM dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) mempersoal sama ada pelesen kegiatan pengusahasaan atau pembalakan di bekas sebahagian hutan itu mengemukakan

SAM dan KUASA kerap suarakan kebimbangan dan gesa kerajaan negeri tidak mansuh kawasan hutan simpanan kekal (HSK), di samping cadangan diwartakan semula atau ganti kawasan tanah lain sebagai HSK tetapi tidak begitu diambil perhatian.

Meenakshi Ramman, Presiden Sahabat Alam Malaysia

dan mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Laporan EIA) sebelum memulakan kegiatan itu yang membabitkan keluasan keseluruhan 151.49 hektar.

Katanya, SAM dan KUASA kerap kali menyuarakan kebimbangan dan menggesa kerajaan negeri tidak lagi memansuhkan sesuatu kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), di samping mencadangkan agar diwartakan semula atau diganti kawasan tanah lain sebagai HSK tetapi saranan berkenaan tidak begitu diambil perhatian.

Malah, katanya, agenda pertamanya yang dibincangkan ketika pertemuan di antara SAM dengan Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pada 19 Februari lalu ialah pihak berkuasa negeri tidak harus memansuhkan sesuatu kawasan perlindungan terutamanya HSK tanpa justifikasi dan keperluan yang munasabah.

"Walaupun pemansuhan sebahagian HS Kledang Saiong seluas 500.2 hektar adalah ketika penadbiran kerajaan terdahulu, Menteri Besar selaku EXCO bertanggungjawab terhadap portfolio tanah, hutan dan sumber asli, perlulah mengambil kira kesannya kepada kesejahteraan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, ia boleh dilakukan dengan mewartakan semula sebagai HSK selari dengan salah satu objektif Dasar Perhutanan Negara serta matlamat dan sasaran Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia (JPSM) iaitu memantapkan keluasan HSK di Semenanjung mencapai lima juta hektar tahun depan.

Katanya, bekas sebahagian HS Kledang Saiong juga sepatutnya perlu dipulihara dan dilindungi

kerana ia adalah sebahagian daripada kawasan Geopark Lembah Kinta.

"Setiap perancangan pembangunan khususnya yang melibatkan pengubahan guna tanah yang hendak dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri perlu merujuk dan mengambil kira serta selari dan tidak bercanggah dengan semua dasar, pelan perancangan fizikal, ketetapan dan garis panduan berkaitan alam sekitar sedia ada," katanya.

Justeru, katanya, SAM dan KUASA berharap pihak berkuasa negeri akan meneliti dan memperhalusi semula cadangan projek lain yang boleh memberi impak atau kesan ketara kepada kesejahteraan alam sekitar sebagaimana yang terkandung dalam salah satu inisiatif manifesto Pakatan Harapan pada Pilihanraya Umum ke-14 lalu.